



BERITA PKINK

بريدت پاکینک نگارخانه اسلامی کلنتن

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



Bil. 1/2005 Jan - Mac 2005/Zulkaedah 1425 - Safar 1426 www.pkink.gov.my Edaran Percuma

Anggota PKINK Plikul Amanah Dan Tanggungjawab Besar Pastikan Kecemerlangan Yang Berterusan

UCAPTAMA KETUA EKSEKUTIF

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Hanifa Ahmad telah menyampaikan satu ucaptama penting kepada semua anggota PKINK pada 4 Muhamarram 1426H bersamaan 13 Februari 2005 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Ucaptama tersebut yang dilihat sebagai amanah penting pihak pengurusan kepada seluruh anggota PKINK mengandungi satu pesanan, harapan dan hala tuju semasa PKINK

ke arah mendepani cabaran semasa tahun 2005 dan tahun baru hijrah 1426.

Majlis ucaptama Ketua Eksekutif yang diadakan ini melibatkan anggota-anggota ibu pejabat PKINK. Meramandangkan hasrat pengurusan untuk turun padang ke syarikat-syarikat anak, satu jadual khusus telah disusun oleh pihak pentadbiran untuk majlis ucaptama Ketua Eksekutif bagi setiap sektor kumpulan syarikat anak PKINK yang bermula pada 15 Muhamarram 1426H/24 Februari 2005.

Dalam ucaptamanya, Ketua Eksekutif menyentuh mengenai peristiwa hijrah dan hubungkait antara hijrah Rasulullah dengan hijrah pada masa sekarang terutama dalam konteks tanggungjawab

MAJLIS
KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK
1426H

HADIR



warga kerja kumpulan PKINK serta harapan Kerajaan Negeri terhadap PKINK sebagai peneraju utama pembangunan ekonomi negeri Kelantan.

Ketua Eksekutif banyak menekankan kepada soal amanah dan tanggungjawab besar yang wajib dipikul oleh setiap anggota bagi memastikan PKINK menjadi sebuah organisasi atau syarikat korporat yang unggul dan terus cemerlang. Kecemerlangan prestasi bukan sahaja dalam konteks mengukuhkan kedudukan kewangan PKINK, malah penekanan terhadap prestasi perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat atau masyarakat juga mestilah diambil perhatian yang utama.

bersambung muka surat 4

Menarik di dalam

- ms 3 Lawatan Pelabur Cina
- ms 4 Lawatan Pelajar UITM
- ms 5 Penghuni Rumah Panjang Jalan Hamzah terima suguhan hati
- ms 6 Penyampaian sumbangan oleh PKINK
- ms 7 Program Usahawan
- ms 8 Seminar guru pembimbing
- ms 9 Lawatan ME
- ms 10 MB lawat KB Mall
- ms 11 SLST catat untung lebih RM8.0juta
- ms 12 PKINK pengeluar Gaharu satu dekad lagi
- ms 13 Info kesihatan dan ICT
- ms 14 Ruangan Tazkirah dan Berita anggota
- ms 15 Pasukan Badminton PKINK Juara

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abd. Aziz Nik Mat telah merasmikan pembukaan cawangan Ar-Rahn yang ke-7 di Jelawat, Bachok pada 27 Januari 2005 yang lalu. Ar-Rahn, yang merupakan Pusat Gadaian Islam pertama di Kelantan adalah milikurus Permodalan Kelantan Berhad (PKB) sebuah anak syarikat milik penuh PKINK.

Semasa berucap dalam majlis perasmian tersebut, YAB Tuan Guru Menteri Besar menjelaskan bahawa walaupun masih wujud pusat gadaian konvensional di Kelantan,

MB Rasmi Cawangan ke 7 Ar-Rahn di Jelawat



bersambung muka surat 4

ISSN 0127-3281

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam, selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., para sahabat serta pengikut baginda. Alhamdulillah bensyukur ke hadratullah, kerana dengan limpah izinnya, berita PKINK Bilangan 1/2005 dapat diterbitkan dengan imej dan wajah baru, sejajar dengan hasrat pihak pengurusan ke arah merealisasikan PKINK sebagai sebuah syarikat korporat yang unggul dan cemerlang.

Misi korporat PKINK adalah amat jelas iaitu ingin menjadi sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan UMMAH.

Sehubungan kedatangan tahun baru Hijrah 1426, kita semua anggota PKINK hendaklah sama-sama berganding bahu tanpa mengira pangkat dan kedudukan dalam merealisasikan wawasan di atas.

Pengajaran daripada peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W., dalam konteks sekarang, kita perlu berani dan sanggup berubah daripada persekitaran yang buruk kepada yang baik dan daripada yang telah baik kepada yang lebih baik. Ia memerlukan anjakan paradigm (paradigm shift) untuk melakukan perimbambahan yang berterusan.

Marilah kita sama-sama menanam azam dan tekad untuk membina PKINK sebagai sebuah kumpulan yang teguh, dinamik dan berdaya saing. Semoga segala usaha dan tindakan kita sentiasa dalam suasana penuh bertanggungjawab dan cemerlang (Iqan) dalam mencapai azam dan tekad tersebut, dengan izin Allah S.W.T.

KEBESARAN SOLAT SUNAT 2 RAKAAT

Dari Rasulullah s.a.w. menceritakan sabdanya: "Setelah Allah selesai menciptakan Jibril a.s dalam bentuk yang cantik dan bersamanya juga dengan 600 sayap yang panjangnya dari Timur ke Barat, maka bertanyaalah Jibril a.s. kepada Allah, " Adakah Engkau menciptakan makhluk lain yang lebih baik dari aku?" Firman Allah, " Tidak." Lalu Jibril a.s. bangun untuk solat sunat 2 rakaat kerana bersyukur kepada Allah. Setiap rakaat lamanya 20,000 tahun.

Bila Jibril selesai solat Allah pun berfirman, " Engkau telah menyembah AKu dengan bersungguh-sungguh dan tidak siapa yang pernah menyembah AKu seperti itu tetapi akan ada seorang nabi yang mulia di akhir zaman nanti namanya Muhammad". Umatnya sering melakukan dosa tetapi jika mereka mengerjakan solat sunat 2 rakaat maka demi keagonganKu solat mereka itu lebih aku suka dari solatmu. Mereka menunaikan solat di atas perintahku sedangkan solatmu itu bukanlah dari perintah perintahKu. Jibril a.s. berferrya lagi, " Apa yang telah Engkau hadiahkan kepada mereka sebagai balasannya? " Firman Allah, " Aku berikan mereka syurga Ma'wa."

Lalu Jibril meminta izin dari Allah untuk pergi melihat syurga itu. Setelah dizinkan ia pun pergi dengan mengembangkan sayapnya yang besar dan menempuh perjalanan selama 3000 tahun. Setelah penat Jibril pun berhenti untuk seketika lalu bertanya kepada Allah, " Apakah aku sudah sampai separuh jalan atau sepertiga atau seperempat?" Firman Allah, " Wahai Jibril ! Jika engkau terbang selama 3000 tahun lagi pun angkau tidak akan sampai pada 1/10, itulah syurga Ma'wa yang Aku sediakan untuk umat Muhammad yang mengerjakan solat sunat dua rakaat."

SIDANG EDITOR

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Hanifa Ahmad

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Haji Taib

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail

Pn. Nik Farzimah Nik Omar

Pn. Ahlaami Ab. Halim

Pn. Teh Mariam Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

En. Rosdi Said

En. Mohd Ramli Hamzah

En. Zainul Amin Mat Zin

JURUFOTO

En. Mohd Ghazali Mahmood



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iklisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Pejabat Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan

www.pkink.gov.my

Tel: 09-7414141

Fax: 09-7414140

Dicetak oleh:

PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE

LOT.63, HADAPAN WISMA PERSEKUTUAN

JALAN BAYAM 15200 KOTA BHARU, KELANTAN.

TEL: 09-7472313

Pelabur China Laku Kunjungan Balas Ke PKINK

Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima kunjungan balas pelabur-pelabur dari negara China pada 17 Januari hingga 20 Januari 2005 yang lalu. Kunjungan balas ini adalah hasil dari Misi Khas Perhubungan dan Pelaburan Antarabangsa Kelantan ke China dari 20 November hingga 25 November tahun lepas.

Kunjungan balas pelabur China ini ialah dari syarikat China Nonferrous Metals International Mining Corporation (CNMIMC) yang diketuai oleh Presidennya, Ma Jin Ping bersama lima orang pakar dalam bidang perlombongan dan kaji bumi.

Rombongan pelabur China tersebut tiba di Kota Bharu pada 17 Januari dan telah diraikan dalam majlis makan malam di Hotel Perdana oleh PKINK dan juga Kerajaan Negeri Kelantan. Pada sebelah petang 17 Januari, rombongan pelabur tersebut telah mengadakan kunjungan ke PKINK dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK berhubung kawasan perlombongan emas milik PKINK, seterusnya mengadakan perbincangan mengenai usaha bersama yang akan dijalankan antara PKINK dan syarikat China tersebut.

Turut hadir dalam perbincangan tersebut ialah Timbalan Ketua Eksekutif Perancangan dan Pembangunan, Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Korporat, Pengurus Projek dan Hartanah serta Pengurus Besar Kelstone, En. Amran Ahmad. Kelstone merupakan syarikat milik penuh PKINK yang terlibat secara langsung dalam sektor perlombongan.

Sementara itu, Presiden CNMIMC bersama kumpulan pakar kajibumi dan geologinya turut mengadakan lawatan tinjauan ke kawasan

perlombongan emas di Blok Sokor, Tanah Merah pada 18 Januari 2005. Rombongan itu di bawa lebih dekat ke kawasan milik PKINK di Blok Sokor bagi mengenalpasti potensi-potensi yang boleh diteroka.

Kehadiran pasukan pakar dari syarikat berkenaan merupakan kejayaan kepada Misi Khas Perhubungan dan Pelaburan Antarabangsa Kelantan ke Beijing yang dilakukan oleh PKINK dan Kerajaan Negeri Kelantan akhir November lalu.*



Taklimat oleh Ketua Eksekutif berhubung kawasan perlombongan emas milik PKINK

Pesuruhjaya Tinggi Kanada Adakan Lawatan Ke PKINK

Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia, Melvyn L. MacDonald telah mengadakan lawatan ringkas ke PKINK pada 27 Januari lalu bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai peranan yang dimainkan oleh PKINK dalam pembangunan ekonomi negeri Kelantan.

Beliau yang diiringi oleh Setiausaha beliau, telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Perancangan dan Pembangunan) PKINK, Tuan Hj Mohd Suhaimi bin Husin bertempat di Bilik Gerakan PKINK. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK.*



Tuan Hj Mohd Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK berkata sesuatu kepada Pesuruhjaya Tinggi Kanada (tengah)



Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) menyampaikan cenderahati kepada Pesuruhjaya Tinggi Kanada

Lawatan Ringkas Pelabur Top Thermos MFG

Pelabur Top Thermos MFG. (Malaysia) Sdn Bhd, Mr Seiichi Itoh (Managing Director) telah mengadakan lawatan ringkas ke PKINK pada 15 Februari 2005 lalu. Lawatan ini bertujuan bagi melihat tapak dan kawasan perindustrian yang masih belum dibina.

Beliau yang diiringi oleh Pn Hasnah Wan Salleh, Pengarah MIDA Negeri Kelantan telah mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh Tuan Haji Zainal Ab. Rahim, Pengurus Khidmat Teknikal, berkenaan projek-projek PKINK yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan.

Beliau juga telah dibawa melawat ke tapak industri (PT 4049 Blok F Pengkalan Chepa), Kawasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa dan sekitar bandar Kota Bharu. *

Lawatan Fakulti Senibina UITM

Pada 12 Januari Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur UITM Shah Alam telah membuat lawatan ke PKINK. Lawatan ini merupakan platform untuk mendedahkan para pelajar tentang peranan yang dijalankan oleh PKINK dalam sektor pembangunan di negeri Kelantan. Disertai seramai 27 orang, pelajar ini telah mengikuti taklimat yang disampaikan oleh Pn Nik Farzimar Nik Omar Penolong Pengurus Perancangan Korporat.

Taklimat ini telah memfokuskan projek-projek yang telah dan sedang dijalankan oleh PKINK. Rombongan ini juga telah dibawa melawat ke tapak projek perumahan di Desa Darulnaim dan Kelantan Trade Centre (KTC) dan diberi taklimat ringkas berkenaan projek tersebut oleh pegawai penyelenggara projek berkenaan.*



Pelajar tekun mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pelajar dibawa melawat ke tapak Desa Darul Naim

dari muka surat 1

Ucaptama KE

Semua perkara ini adalah sejajar dan bertepatan dengan hasrat dan harapan tinggi kerajaan kepada PKINK.

Ucapan beliau juga memberi tumpuan kepada prestasi PKINK serta kumpulannya bagi tahun 2003 dan 2004 serta unjuran prestasi kewangan bagi tahun 2005 yang hanya boleh dicapai melalui usaha dan kerja gigih semua anggota kumpulan PKINK. Menurut beliau, matlamat tersebut hanya akan berjaya dicapai melalui perlaksanaan "good governance" dalam semua aspek budaya kerja.

Di samping itu, kejayaan PKINK melaksanakan pembayaran balik hutang berjumlah RM15 juta setahun kepada Kerajaan Negeri telah memberi imej dan pandangan yang positif kepada PKINK. Kejayaan ini juga telah sedikit sebanyak membantu Kerajaan Negeri dalam meneruskan bantuan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat di Negeri Kelantan.

Dalam ucapannya juga, beliau melahirkan rasa syukur dengan kedudukan PKINK pada masa sekarang. Beliau mengharapkan agar semua kakitangan memberikan komitmen padu ke arah memperteguhkan PKINK dan mengambil berat soal amanah terutama dalam pengurusan masa bekerja serta urusan yang berkaitan dengan hubungan PKINK dengan pihak luar.

Beliau telah mengakhiri ucapannya dengan pesanan Imam Al-Ghazali;

*Yang dekat itu mati, yang jauh itu masa,
yang besar itu nafsu, yang berat itu
amanah dan yang ringan itu solat.*

Intipati Ucaptama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK.

1. Penerapan dan pengamalan "Good Governance" dalam budaya kerja.
2. Keuntungan PKINK meningkat dari RM 4 juta pada tahun 2003 kepada RM 5.5 juta tahun 2004. Unjuran keuntungan tahun 2005 ialah RM8.1 juta
3. Keuntungan Syarikat Anak pada tahun 2003 ialah RM9.6 juta meningkat kepada RM15.6 juta tahun 2004 dan unjuran tahun 2005 ialah RM20.9 juta.
4. Penekanan terhadap "Time Management" dalam diri setiap anggota.
5. Menjadikan PKINK sebagai sebuah syarikat korporat.
6. Mengaktifkan peranan Majlis Bersama Jabatan.
7. Setiap anggota adalah bekerja untuk PKINK dan Islam *

dari muka surat 1

MB Rasmi Ar-Rahn Ke 7

namun jumlahnya semakin berkurangan, kerana rakyat telah beralih kepada pajak gadai Islam, bagi mengelak dari 'najis riba'.

Sementara itu, Pengurus Besar PKB semasa berucap menjelaskan bahawa, sambutan orang ramai dan masyarakat terhadap pajak gadai Islam semakin meningkat. Sehubungan itu Permodalan Kelantan Bhd (PKB) telah menujuhkan beberapa cawangan seperti Tanah Merah pada 1996, Pasir Puteh tahun 1999, Rantau Panjang tahun 2001, Pasir Mas tahun 2002 dan yang terbaru di Bachok pada Ogos 2004. Hasil dari penubuhannya seramai 36,000 anggota masyarakat di negeri ini mendapat khidmat Ar-Rahn di seluruh Kelantan.

Memandangkan sambutan yang semakin meningkat PKB bercadang mewujudkan dua lagi cawangan iaitu di Tumpat dan Kuala Krai pada masa akan datang.*

"Dan berilah peringatan, Sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat untuk orang-orang mukmin"

Az-Zariyaat 55

146 Keluarga Penghuni Rumah Jalan Hamzah Terima Saguhati Dari PKINK

Kota Bharu, Selasa 15 Mac – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan memperuntukkan sejumlah RM 365 ribu bagi membayar saguhati kepada 146 orang penghuni dan penyewa rumah panjang di sekitar Jalan Hamzah, Kota Bharu yang terlibat dengan projek pembangunan Jalan Hamzah. Setiap seorang atau keluarga menerima bayaran saguhati sebanyak RM2,500.

Peruntukan bayaran saguhati ini adalah atas dasar keprihatinan Kerajaan Negeri dan PKINK dalam menunaikan tanggungjawab sosial masyarakat demi memastikan kebijakan dan kehidupan rakyat mendapat pembelaan sewajarnya dari pihak Kerajaan.

Majlis penyampaian cek telah diadakan di kawasan letak kereta KB Bazaar dengan dihadiri oleh YB Hj. Takiyuddin Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua Eksekutif PKINK, Haji Hanifa Ahmad, Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan) Kerajaan Negeri Kelantan dan Pengurus Bahagian Projek dan Hartanah PKINK. Turut hadir ialah pegawai dari Bahagian Perumahan, Pejabat SUK Kerajaan Negeri Kelantan dan juga pegawai-pegawai PKINK.



YB Hj. Takiyuddin Hassan menyampaikan ucapan di Majlis Penyerahan Saguhati

Dalam ucapannya, YB Takiyuddin menjelaskan bahawa, Kerajaan akan melaksanakan projek pembangunan di kawasan tersebut yang melibatkan tanah milik Kerajaan iaitu PKINK yang sebelum ini dijadikan penempatan bagi penduduk sekitar. Memandangkan pada masa sekarang, Kerajaan melihat kepada keperluan untuk kawasan tersebut dibangunkan, maka Kerajaan terpaksa memindahkan penduduk sekitar Jalan Hamzah, dan tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri adalah bagi memastikan setiap penghuni rumah di sekitar kawasan tersebut tidak teranaya dan diberikan kemudahan penempatan sementara yang sempurna dan tersusun.



penyampaian cek oleh YB Hj. Takiyuddin



Antara penghuni yang hadir

Beliau juga menolak berita khabar angin yang kononnya Kerajaan telah mengarahkan penghuni rumah di sekitar Jalan Hamzah untuk mengosongkan rumah mereka dalam jangkamasa terdekat iaitu pada bulan Mac.

bersambung muka surat 12

Mencari Keredhaan Ilahi

Setiap individu akan sentiasa mempertingkatkan daya usaha untuk meraih kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang yang diceburi lebih-lebih

lagi kejayaan yang membawa kepada ketenangan kehidupan yang sempurna. Namun demikian kita jangan sekali-kali lupa bahawa usaha dan



Berusaha, bersyukur berlampaip doa, semoga kita sentiasa diberkati dan tabah menghadapi cabaran... Insya Allah

kesungguhan manusia tetap terbatas, dibatasi oleh kebesaran dan ketentuan Allah swt. Sebagai hamba yang dianugerahkan akal dan fikiran yang sempurna, kita hanya mampu merancang dan melaksanakan dengan sebaik-baiknya mengikut keupayaan kita namun Allah jualah yang menentukan. Dalam konteks untuk mencari keredhaan dan mendapatkan keberkatan Allah swt, setelah pelbagai usaha dijalankan, Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) sebagai bahagian yang mengurus kendali Bangunan Medan Usahawan Kota Bharu telah mengadakan Solat Hajat bersama penyewa-penyewa premis pada 3 Mac 2005. Solat Hajat tersebut yang diadakan di Ruang Legar Tingkat 1 telah dihadiri oleh YBrs. Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), anggota-anggota dari BPU dan penyewa-penyewa premis.

Ketua Eksekutif PKINK Sampaikan Pampasan RM60,000 Kepada Bekas Kakitangan Prokel.

Kota Bharu, Feb – Seorang bekas kakitangan Prokel Management Sdn. Bhd., anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), yang meninggal dunia akibat banjir Disember lalu mendapat perhatian dan simpati pengurusan

PKINK. Ibu Allahyarham Alias Ahmad menerima wang pampasan sebanyak RM 60,000 daripada Syarikat Insurans Takaful Malaysia yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Hanifa Ahmad pada 16 Februari lalu. Majlis

penyampaian cek telah diadakan di rumah keluarganya di Kedai Buluh, Jalan Pantai Cahaya Bulan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pengurus Besar Prokel Management Sdn. Bhd, pegawai-pegawai PKINK dan pegawai Prokel. Mangsa yang masih bujang itu hilang semasa menjalankan kerja-kerja mendalamkan Kawasan aliran air di PCB. Beliau merupakan anak ke-10 daripada 13 adik beradik dan bekerja di bahagian "parking" yang diurus oleh Prokel Management.

Haji Hanifa berharap keluarga mangsa menerima kejadian malang tersebut sebagai ujian Allah dan memanfaatkan wang pampasan sebaik mungkin. *



Hj Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK menyampaikan cek kepada ibu Allahyarham kakitangan Prokel Management Sdn Bhd.

Kemiskinan Ibu Tunggal Dapat Perhatian dan Simpati PKINK

Pasir Mas, 23 Mac – Nasib seorang ibu tunggal yang kematian suami Oktober tahun lalu dan terpaksa menjaga 5 orang anak yang masih kecil mendapat perhatian dan simpati daripada pihak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Mastura Mat Naim, 32 dari Kampung Endong Pasir Mas yang terpaksa meneruskan kehidupan dengan tiga daripada anaknya masih bersekolah kehilangan sumber pencarian utama untuk menanggung kehidupan sekeluarga.

Keadaan kemiskinan beliau telah mendapat perhatian pihak PKINK setelah berita mengenainya tersiar dalam Utusan Malaysia Januari lalu. Atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab sosial, PKINK telah menyumbangkan RM2 ribu bagi meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh keluarga tersebut.

Majlis penyampaian sumbangan cek telah diadakan di rumah ibu tunggal tersebut di Kampung Endong pada 23 Mac lalu oleh Timbalan Exco

Pembangunan Masyarakat, Yang Berhormat Tuan Haji Zakaria Yaakob yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Pasir, Wan Abd Aziz b. Wan Jaffar dan Ketua Eksekutif PKINK, Hj Hanifa Ahmad.

Haji Hanifa berkata, sumbangan berkenaan walaupun nampak kecil, namun sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarga terbabit dan berharap agar ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk masa depan mereka.

Sementara itu, YB Haji Zakaria berharap agar sumbangan tersebut dapat dijadikan modal bagi keluarga terbabit bagi menjalankan perniagaan di rumah ataupun lain-lain perniagaan yang bersesuaian bagi menjamin masa depan mereka. Menurutnya lagi, pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian terhadap nasib golongan ibu tunggal yang memerlukan bantuan.



YB Hj Zakaria Yaakob, Timbalan Exco Pembangunan Masyarakat Kerajaan Negeri sedang menyampaikan cek kepada ibu tunggal di Kampung Endong, Pasir Mas.

Mulanya Di sini

Program Usahawan Muda (PUM) merupakan satu program yang dirangka dan dilaksanakan khusus bagi memberikan pendedahan dan latihan mengenai aspek-aspek perniagaan dan keusahawanan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah yang tidak terlibat dengan peperiksaan pada tahun pelaksanaan. PUM dilaksanakan secara bersepadu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi membabitkan semua negeri-negeri di Malaysia. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah dilantik sebagai sekretariat tetap bagi melaksanakan program tersebut di negeri Kelantan.

Bagi memberikan pendedahan langsung dan memastikan keberkesanannya secara optima, pada 2 Februari 2005 yang lalu Taklimat Tatacara Pelaksanaan Program Usahawan Muda telah diadakan khusus kepada guru-guru pembimbing dan penasihat-penasihat bagi tahun 2005.

Taklimat khas ini yang dirasmikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohd Suhaimi b. Hussin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) telah dihadiri oleh penasihat-penasihat yang dilantik dan guru-guru daripada 24

ZEAL WITHOUT KNOWLEDGE IS A WRONGWAY HORSE'. Untuk meraih kejayaan dan kecemerlangan dalam apa-apa bidang yang diceburi, kita terlebih dahulu mesti mengenal diri, tahu keupayaan diri lebih-lebih lagi perlu memahami bidang-bidang yang akan kita ceburi. Realitinya tidak seorang pun daripada kita yang dilahirkan lengkap dengan segala kesempurnaan justeru itu kita perlu memperlengkapkan diri dan membuat persediaan yang sewajarnya untuk menerokai dan mengharungi bidang tersebut dengan jayanya; para peniaga dan penjaja kecil tidaklah terkecuali.

Dalam konteks untuk membimbing memberi pengetahuan serta menyemai ciri-ciri keusahawanan secara berkesan dan mampu mempertingkatkan prestasi perniagaan, keupayaan dayasaing yang tinggi dan berkembang dengan sewajarnya, PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MEDC) telah menganjurkan Kursus Penjaja & Peniaga Kecil Siri 1 / 05 . Kursus tersebut telah diadakan di Paloh Inn Kota Bharu dari 1 hingga 4 Februari 2005 dan telah dihadiri seramai 33 orang peserta dari seluruh negeri Kelantan.



Tuan Hj. Mohd Suhaimi Husin Meraasmikan Taklimat Tatacara Pelaksanaan Program Usahawan Muda

buah sekolah yang dipilih. Melalui taklimat ini, beberapa aspek yang akan menentukan kelincinan perjalanan dan matlamat pengendalian program telah diberi penekanan. Ianya merangkumi objektif, faedah & target pencapaian serta program yang telah dirangka untuk sepanjang tahun. Walaupun rancangan atau program yang dirangka, inti atau 'core' yang menentukan kejayaan dan pencapaian matlamat sebagaimana yang diharapkan adalah persefahaman dan kerjasama erat semua pihak yang terbabit. Oleh itu, semua penasihat yang dilantik serta guru-guru pembimbing yang mewakili

sekolah-sekolah yang dipilih untuk mengikuti program PUM pada tahun ini disarankan agar sentiasa berdamping dengan pihak BPU selaku sekretariat PUM dan menjalinkan kerjasama erat dengan sekolah-sekolah yang terlibat untuk berkongsi maklumat dan pengalaman. Dengan itu, banyak pandangan dan idea baru yang dapat dikongsi serta banyak permasalahan yang dapat dileraiakan.

'hanya permulaan yang baik dan terancang akan membawa kepada penamat yang kecemerlang'. *

Latihan Keusahawanan Penjaja & Peniaga Kecil Negeri Kelantan Siri 1/2005



YB Hj Zukiffi Mamat, Exco Pembangunan Perindustrian & Sumber Manusia Negeri Kelantan berucap merasmikan program



Peserta tekun mendengar ucapan perasmian

Bagi menentukan pengaturan kursus ini benar-benar memberi manfaat kepada para peserta, BPU selaku sekretariat telah mengundang pengetahuan dan pengalaman dari Pusat Usahawan Mara (PUSMA) dan Pegawai Mara dari Kedah. Memandangkan sebilangan besar daripada peserta yang mengikuti

kursus terdiri dari kalangan mereka yang belum memulakan perniagaan dan sebahagiannya pula baru memulakan perniagaan aspek-aspek asas atau modul yang lebih khusus telah diberi penekanan.

bersambung muka surat 10

Bimbing Diri Sebelum Jadi Pembimbing

KEJAYAAN MENUAIKAN AMANAH DAN TANGGUNG JAWAB TIDAK UBAH MELANGSI HUTANG BERJUTA. Dalam konteks itu, Bahagian Pembangunan Usahawan PKIN (BPU) selepas sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) bagi negeri Kelantan telah mengadakan Seminar Guru Pembimbing dan Penasihat PUM 2005. Seminar selama tiga hari bermula dari 27 hingga 29 Mac bertempat di Star Regency Hotel & Apartments, Cameron Highlands telah dibadii seramai 60 orang guru pembimbing dan penasihat yang terlibat dengan program PUM bagi tamu ini.

Penganjuran seminar ini cukup penting kerana ia merupakan program khas yang akan memberi pendedahan langsung kepada guru-guru pembimbing dan penasihat tetapi objektif, secara pelaksanaan dan matlamat yang perlu dicapai atau dengan sisi perkataan program ini merupakan bimbingan kepada mereka yang terlibat sebelum turun padang untuk melaksanakan Program Usahawan Muda di sekolah masing-masing.

Seminar kali ini telah menampilkan Pashatur berpengalaman yang diutamakan khas dari Universiti Teknologi Mara Kelantan. Diikut oleh YBhg. Prof. Dr Syaiful Norhayati Abdul Muin dan dibantu oleh Hjh. Fadilah Yahya dan En. Md. Sabri Mohamad banyak isu-isu penting yang telah dikuas. Teknik pengendalian seminar kali ini juga agak berbeza dan ketika mendimana para peserta tidak ditarik dengan lebih banyak kerja berkumpulan dan penglibatan secara praktikal. Diantara ini adalah cara yang diperolehi melalui seminar ini ialah:

- i. Meningkatkan kemahiran kewujudan usaha di kalangan ahli-ahli PUM.
- ii. Keupayaan untuk mengerakkan program ini sebagai aktiviti ko-kurikulum yang setanding dengan aktiviti-aktiviti lain.
- iii. Pendedahan kepada peserta tentang kaedah samaada dalam membangun usahawan muda di kalangan pelajar sekolah.
- iv. Pengetahuan tentang kepentingan faktor bimbingan dan peranan pembimbing berwibawa dalam menjayakan PUM.
- v. Meningkatkan kemahiran tentang kaedah serta seni membimbing dan perundingan yang efektif.

Program yang diatur pada seminar kali ini cukup padat di mana ia bermula sekitar 8.30 pagi dan berakhir kira-kira jam 11.30 malam.



Bergambar Kenang-Kenangan

Satu pengalaman yang tak mungkin dilupakan oleh semua peserta yang terlibat iaitu pada hari kedua program. Hampir keseluruhan peserta bersengkang mata kerana menyiapkan kertas-kertas kumpulan untuk dibentang pada pagi kesokan. Baru nak rehat-rehat minda yang penat kira-kira jam 12.40 pagi susulan mengadai kelam katut. Kami dikejutkan dengan gegaran yang yang cukup kuat seolah-olah hotel penginapan kami nak roboh. Tenggu apa lagi cabulah sebab masa itu apabila yang lembut di minda ialah pensiwa tsunami. Setelah hampir dua jam berada di surau bangunan barusel sam diberikan naik ke bilik penginapan. Walaupun pensiwa tersebut tidak seorang pun menjelekkan semangat kami di mana program dierusken sebagaimana jadual pada kesokannya.

Pada keseluruhannya, penganggaran seminari ini telah mencapai objektif dan tujuan sebenarnya yang diharapkan. Gunungan pembimbing dan penasihat telah dahulu membuat diri dan memperbaiki kapasiti sebelum membimbangi ahli-ahli PUM.

*Pembimbing dan Penasihat yang baik adalah mereka yang genit dan keupayaan sendiri **

**SEMINAR
PUMBING DAN PENASIHAT
PROGRAM USAHAWAN MUDA
KELANTAN
27-29 MAC 2005
DI STAR REGENCY HOTEL &
CAMERON HIGHLANDS**



Wakil Yayasan Islam Kelantan Sedang Berucap.

“KEDAUALATAN RAJA PAYUNG UMMAH”



Pintu Gerbang PKINK sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan ke-55 tahun 2005

ME Turun Padang Buat Julung Kali Sempena Ucaptama KE

Buat julung kaliannya, Majlis Eksekutif PKINK telah turut hadir ke setiap syarikat anak PKINK sempena ucaptama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK bagi tahun hujan 1426. Ia dimulakan dengan kumpulan Sektor Pertanian yang tardi dari Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad bersama-sama anak syarikatnya pada 15 Muharam 1426 bersambutan 24 Februari 2005. Dilanjut dengan kumpulan Sektor Perkhidmatan pada 27 Februari 2005, kumpulan Sektor Hartanah (1 Mac 2005), Kumpulan Sektor Perancangan (6 Mac 2005) dan diakhiri dengan Sektor Perdagangan dan Syarikat Ladang Sungai Terah pada 27 Muharam 1426 (10 Mac 2005).

Kunjungan ME bersama dengan program ucaptama KE ini telah memberi impak yang begitu positif terhadap komitmen dan kesungguhan setiap anggota kumpulan PKINK bagi membuatkan teknologi dan keazaman cubuk sawit memajukan PKINK dalam menghadapi tahun baru 1426 hujan. *



Majlis Ucaptama KE yang diadakan di Dewan Bunga Tanyong Hotel Perdana

Majlis Eksekutif (ME) Lawat Projek SLST



Ketua Eksekutif dan ahli ME melawat projek tembu integrasi

Gua Musang, Mac - Sempena Ucaptama Ketua Eksekutif (KE) bagi Syarikat Ladang Sungai Terah (SLST), Majlis Eksekutif (ME) telah mengambil peluang mengadakan lawatan ke beberapa buah projek yang sedang dijalankan oleh SLST. Sebaik selesai ucaptama, ME telah dibawa melawat tapak projek pembangunan rumah kedai milik SLST yang terletak di bandar Gua Musang. Lawatan tersebut bagi meninjau perkembangan terkini projek dan Pengurus Besar SLST telah memberi penjelasan ringkas berkaitan projek berkenaan kepada ahli ME yang hadir.

Pihak ME seterusnya dibawa melawat projek Lambu Integrasi di Ladang Sungai Terah yang telah disahkan oleh Koperasi Kakitangan Ladang Sungai Terah Berhad (Kosatera).

Satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh Timbalan Pengurus Besar SLST.

Temakhat lembu secara integrasи dengan sawit diperkenalkan di kawasan matang (umur lebih tahun) kerana di samping dapat membantu penternak lebur atau bumi putera, ia juga dapat mengurangkan kos penjagaan ladang sekitar 30%. Projek tarakan oleh Kosatera melibatkan sejumlah 237 ekor lembu.

Dekahir lawatan, ahli ME dibawa melawat ke tapak projek pembinaan kilang sawit milik SLST dan melihat lebih dekat perkembangan projek berkenaan. Ketua Eksekutif dan ahli ME juga mendengar penjelasan daripada pihak kontraktor mengenai perkembangan kemajuan projek.

Projek pembinaan kilang sawit ini merupakan satu projek penting bagi SLST memandangkan pada masa sekarang, pihak pengurusan Ladang Sg Terah terpaksa mengantarkan buah sawit ke kilang sawit di Chiku 1. Ini memberi kesan yang tidak baik terhadap mutu buah sawit serta boleh meningkatkan kos pengangkutan. Dengan siapnya kilang sawit tersebut, dijangka masalah tersebut dapat diatasi sepenuhnya dan buah sawit segar dapat diproses dengan cepat bagi mengelakkan kerrosakan atau sebagainya.*



Ketua Eksekutif dan Ahli ME melawat tapak projek rumah kedai SLST di Bandar Gua Musang (atas) dan Projek Pembinaan Kilang Sawit SLST (bawah).

MESYUARAT AGUNG KELAB USAHAWAN PKINK KALI PERTAMA

HARGAILAH PELUANG YANG ADA

'Usahawan Bumiputera tidak perlu berbangga kalau dapat bertapak kalau tapak itu telah disediakan oleh mana-mana pihak tetapi anda perlu berbangga sebagai usahawan yang mampu menapak.....'

Setiap individu dari segenap lapisan dan latarbelakang sentiasa berharap akan adanya peluang untuk memperbaiki taraf hidup dan setidak-tidaknya mempertingkatkan tahap pencapaian kerjaya atau bidang yang diceburi. Untuk itu Kelab Usahawan PKINK (KUP) yang menggabungkan peminjam-peminjam Skim Mikro Kredit BSN melalui PKINK sebagai mentor telah pun ditubuhkan. KUP dengan keanggotaan seramai 214 orang telah mengadakan Mesyuarat Agung Pertama pada 21 Mac 2005, jam 2.30 petang bertempat di Bilik Operasi PKINK. Yabrs. Tuan Hj. Hanifa b. Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK telah berkenan merasmikan mesyuarat tersebut. Beliau mengucapkan seliggingting tahniah dengan penubuhan KUP ini. Beliau turut menegaskan bahawa PKINK akan terus memainkan peranan sebagai agensi pelaksana dan pemudahcara yang akan membantu melancarkan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh KUP manakala anggota-anggota dari Bahagian Pembangunan Usahawan selaku sekretariat digalakkan agar turun padang dan memainkan peranan sepatutnya dalam menggerakkan KUP sebagai sebuah kelab yang berjaya. Beliau turut menegaskan kepada semua ahli KUP agar benar-benar menghargai peluang-peluang yang diberikan terutamanya skim pinjaman yang telah disediakan oleh pihak Bank Simpanan Nasional. Ahli-ahli KUP sebagai peminjam skim tersebut perlulah bersikap jujur, amanah dan menjelaskan pinjaman yang telah diperolehi dengan penuh rasa tanggungjawab.

Pada mesyuarat kali ini juga, YBrs. En. Che Abdullah Che Mahmud, Pegawai Kredit BSN telah hadir menyampaikan taklimat khas tentang Skim Mikro Kredit yang disediakan oleh BSN. Selain daripada menawarkan kemudahan pinjaman beliau turut menerangkan tentang tindakan yang akan diambil oleh pihak bank sekiranya peminjam-peminjam gagal atau sengaja ingkar untuk melangsaikan pinjaman tersebut. Tindakan yang akan diambil termasuklah tindakan undang-undang dan pendakwaan di mahkamah.

Pada Mesyuarat Agung kali ini, ahli-ahli yang hadir telah membuat pemilihan dan perlantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi memimpin KUP. Ahli-Ahli Jawatankuasa yang dilantik pada mesyuarat kali ini ialah :-

Yang Di Pertua

- En. Mohamad Affendi b. Mohd Zain
Tim. Yang Di Pertua

- En. Ahmad Sidry b. Hussin

Setiausaha

- En. Asmadi b. Abd. Rahman

Tim. S/ Usaha

- Puan Suriati

Bendahari

- Puan Rosliza Mohd Yusof

Ahli-Ahli Jawatankuasa

- En. Abdullah Md. Hassan

- Puan Zaiton

- En. Aladin Awang Hamat

- Puan Roshanani

- En. Ismail Mohamad

- En. Ab. Alim Mamat.

Kepada ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik diucapkan syabas dan diharapkan kesemua mereka dapat memimpin KUP dengan jaya. *

dari muka surat 7

Kursus Penjaja

Ianya merangkumi aspek-aspek Kompetensi Keusahawanan, Pengisian Ciri-Ciri Keusahawanan, Perundangan Perniagaan, Pengurusan Operasi Perniagaan, Pengurusan Sumber Manusia, Etika Perniagaan Menurut Perspektif Islam, Teknik-Teknik Memajukan Perniagaan, Kaedah Memperluaskan Perniagaan dan Motivasi Kecapaihan Diri. Para peserta juga turut didekah mengenai khidmat sokongan oleh agensi-agensi yang terbabit serta kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi membantu mereka dalam memperkuuh dan meningkatkan pembiagaan yang mereka ceburi.

Syabas kepada peserta-peserta kali ini yang telah mengikuti dan menamatkan kursus dengan jayanya. Insya Allah kita akan bertemu lagi dalam Kursus Siri 2 / 05 pada 4 hingga 8 April 2005 nanti. *

MB Lawat KB Mall



YAB Tuan Guru Dato' Nik Abd Aziz Nik Mat di bawa melawat sekitar pasaraya

Sempena perasmian Festival Membaca Kelantan anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan pada 10 Mac 2005 di KB Mall, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abd Aziz Nik Mat Menteri Besar Kelantan telah di bawa melawat sekitar pasaraya yang terbesar di Kelantan itu. Tema festival tersebut ialah "Membaca Seawal Usia, Berilmu Sepanjang Masa".

Syarikat Ladang Sungai Terah Catat Untung Lebih RM8.0 juta.

Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd (SLST), milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) mencatat keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM8.5 juta bagi tahun 2004. Keuntungan yang dicatatkan ini lebih baik berbanding keuntungan sejumrah RM 1.8 juta bagi tahun 2003.

SLST menjana pendapatan sejumrah RM32.35 juta yang terdiri dari hasil keluaran getah berjumlah RM 19.55 juta, kelapa sawit berjumlah RM11.24 juta dan lain-lain pendapatan berjumlah RM1.56 juta. Sepanjang tempoh itu juga, SLST menghasilkan 3,460,545 kilogram getah dan 34,306 metrik ton sawit. SLST mempunyai kawasan bertanam seluas 15,888 ekar di mana 6249 ekar ditanam getah dan 7,220 ekar dengan kelapa sawit. Manakala 2,219 ekar lagi baru ditanam dengan kelapa sawit yang belum mengeluarkan hasil.



Untuk tahun 2005, SLST mengunjurkan keuntungan sebelum cukai sejumrah RM10.500 juta berdasarkan perolehan RM28.072 juta. Pengeluaran getah diunjur sejumrah 3,066,700 kilogram dan sawit naik 10 ribu ton metrik kepada 44,600 ton metrik.

Pengeluaran sawit seluas 7,220 ekar dijangka meningkat dengan bertambah usia matang pokok kelapa



Ahli ME turut sama di majlis Ucaptama KE

sawit. 11% keluasan tanaman kelapa sawit berusia 6 tahun, 28% berusia 5 tahun, 33% berusia 4 tahun dan 28% berusia 3 tahun. Kelapa sawit mula mengeluarkan hasil pada usia 3 tahun.

SLST menjangkakan purata hasil boleh mencapai sehingga 60 ribu metrik ton apabila mencapai usia 8-15 tahun.

YB. EXCO Kerajaan Negeri Lawat Tapak Projek Pasar Dan Pusat Niaga Tok Bali

Projek Pasar dan Pusat Niaga Tok Bali, Pasir Puteh sedang dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Ke 8 yang bertujuan membangunkan semula serta menaiktaraf kawasan jualan ikan sediada.

Pada 22 Mac 2005 yang lalu, YB Tuan Hj. Zulkifli b. Mamat, Pengurus Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian Dan Sumber Manusia serta beberapa orang ADUN dari kawasan sekitar Tok Bali telah membuat lawatan ke projek ini. Turut hadir adalah pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan kerajaan seperti Ketua Jajahan Pasir Puteh, Setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh, wakil Pejabat Tanah dan Galian serta pegawai-pegawai PKINK.

Dalam taklimat yang disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), ahli rombongan diberi penerangan tentang perancangan pembangunan komponen-komponen projek yang akan dibangunkan dan dijangka siap pada Oktober 2005. Antara komponen tersebut ialah sebuah jeti pendaratan ikan serta bangunan pasar jualan ikan secara runcit dan borong yang boleh menempatkan lebih daripada 50 orang usahawan.

Sebelum bersurai ahli-ahli rombongan telah dibawa melawat sekitar tapak projek bagi meninjau kerja-kerja pembinaan yang sedang giat dilaksanakan.*



Ahli rombongan di bawa melawat sekitar tapak projek



Taklimat disampaikan oleh Tuan Hj. Mohd Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK

Kakitangan dapat bonus 4 bulan gaji.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Ketua Eksekutif PKINK semasa menyampaikan ucaptamanya kepada ahli SLST telah menekankan kepada prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh SLST. Menurut bellau, Majlis Eksekutif telah menimbang dan meluluskan permohonan daripada pihak pengurusan SLST bagi pembayaran bonus 4 bulan gaji kepada kakitangan SLST. Pengumuman ini bukan sahaja menggembirakan ahli SLST, malahan ia memberi suntikan semangat kepada mereka atas usaha gigih dan kerja keras yang dilakukan selama ini sehingga syarikat mencatat keuntungan yang besar pada tahun lepas.

Pembayaran bonus empat bulan gaji ini melibatkan peruntukan sebanyak RM500 ribu yang melibatkan 115 orang kakitangan. *



Sebahagian ahli SLST Yang hadir di Majlis Ucaptama KE

Gotong-Royong Membersihkan Bandar Kota Bharu

Sempena Perayaan Menyambut Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan ke 55 pada tahun ini, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) telah mengadakan gotong-royong membersihkan seluruh Bandar Kota Bharu pada 6 Safar 1426 bersamaan dengan 17 Mac 2005.

Bagi menjayakan program tersebut, anggota PKINK telah turun padang, berganding bahu dengan rakan-rakan daripada agensi dan pertubuhan yang lain. Untuk tahun ini anggota PKINK terlibat membersihkan kawasan di Medan Selera Buluh Kubu, Rumah Kedai Buluh Kubu dan Flat Buluh Kubu.

Berehat sejenak selepas berpenat lelah



Program yang bermula jam 8.00 pagi telah berakhir kira-kira jam 12.00 tengahari. Sesekali turun padang ni seronok juga, apa taknya dapat berjumpa dan berkenalan dengan kawan-kawan dari agensi dan pertubuhan yang lain. Dengan adanya program seperti ini, iaanya dapat memupuk semangat bekerjasama dan menyemai sifat tolong-menolong antara satu sama lain.*



Ringan sama dijinjing berat sama di pikul

PKINK Pengeluar Gaharu Satu Dekad Lagi

YAB Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abd. Aziz Nik Mat berharap satu masa nanti PKINK akan menjadi pengeluar gaharu terbesar dirantau ini. Hasrat ini disuarakan dalam ucapan perasmian Seminar Gaharu Negeri Kelantan sempena sambutan hari perhutanan sedunia ke 34 yang telah diadakan di Hotel Grand Riverview pada 24 Mac 2005.

Perusahaan ini boleh dijadikan tanaman ladang yang dapat mengimbangi kemajuan teknologi dengan alam sekitar. Gaharu dihasilkan dari pokok keras yang mula mendapat hasil seawal empat tahun.

Gaharu menjanjikan pulangan yang lumayan sehingga mencecah RM600,000 satu pokok. Harga pasaran sekarang bagi gred A RM6,000



- RM8,000 sekilogram, manakala gred terendah gred E RM3.00 - RM80.00 sekilogram.

Minyak gaharu dihasilkan untuk berbagai kegunaan seperti seperti perubatan, wangian, bau-bauan, kosmetik dan colok. *

YAB Tuan Guru Dato' Nik Abd Aziz Nik Mat merasmikan seminar Gaharu Negeri Kelantan



Penghasilan minyak gaharu

dari muka surat 5 (Saguhati Penghuni Jalan Hamzah)

Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap keluarga atau penghuni rumah Jalan Hamzah mendapat masa yang secukupnya untuk berpindah dengan mengeluarkan notis yang munasabah dan tindakan perobohan serta pemotongan bekalan elektrik, air dan telefon ke atas rumah

mereka tidak akan dilakukan oleh pihak berkuasa. Kerajaan Negeri memberi tempoh sehingga Julai tahun ini untuk penduduk berpindah ke penempatan transit yang dibina oleh pihak Kerajaan Negeri di Panji, Kota Bharu.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, proses

pembayaran saguhati kepada semua 146 orang penduduk rumah panjang di Jalan Hamzah berjalan lancar. Proses tersebut turut dibantu oleh pegawai dari Bahagian Perumahan, Kerajaan Negeri dan para Penghulu Tanpa Mukim Kerajaan Negeri. *

Gejala-Gejala STROK

Strok yang juga dikenali dengan angin ahmar terjadi apabila aliran darah yang mengalir ke bahagian otak terputus, sehingga menyebabkan kehilangan fungsi bahagian tubuh yang diatur oleh bahagian otak yang terkena strok. Strok sering terjadi pada mereka yang sudah berumur, tetapi ia juga dapat menyerang mereka yang masih muda, terutama bagi mereka yang gemar mengambil makanan berlemak dan narkotik.

Berat atau ringan sesuatu strok itu bergantung kepada tahap aliran darah yang terputus. Sekiranya aliran darah hanya terputus untuk sementara atau hanya sebahagian kecil otak yang terkena, maka kesannya juga ringan dan sementara. Sekiranya aliran darah terputus cukup besar atau bahagian otak yang terkena cukup luas, maka akibatnya cukup berat.

Sekiranya anda termasuk dalam golongan ini berhati-hatilah dan hendaklah membuat pemeriksaan doktor sepatutnya;

- Anda mengalami masalah jantung
- Anda mempunyai paras kolesterol darah yang tinggi
- Anda seorang perokok
- Anda kurang bersenam dan melakukan aktiviti fizikal

- anda mempunyai berat badan yang berlebihan serta kegemukan melampau.

Gejala-gejala strok seperti berikut:

- ❖ **Strok Sementara (sembuh dalam beberapa minit/jam)**
 - Tiba-tiba sakit kepala
 - Pening dan keliru
 - Pandangan mata kabur pada satu atau dua mata
 - Kehilangan keseimbangan
 - Rasa menyucuk pada satu sisi tubuh.
- ❖ **Strok Ringan (sembuh dalam beberapa minggu)**
 - Beberapa atau semua gejala di atas.
 - Kelemahan/kelumpuhan pada tangan/kaki.
 - Percakapan tidak jelas
- ❖ **Strok Berat (sembuh atau pemuliharaan dalam beberapa bulan, tahun atau kekal)**
 - Semua/beberapa gejala di atas
 - Koma jangka pendek
 - Kelemahan/kelumpuhan dari satu sisi tubuh.
 - Kehilangan daya ingatan/tumpuan.
 - Kehilangan kawalan terhadap pengeluaran air kencing dan najis.

Penyebab Umum

Semua keadaan yang boleh menyumbat pembuluh darah arteri otak boleh memutuskan aliran darah dan menyebabkan strok.

Penyebab Sumbatan

- Trombosis (pembekuan darah yang terdapat dalam pembuluh arteri otak kerana pengumpulan zat lemak).
- Emboli (bekuan darah/gumpalan lemak yang dibawa masuk ke dalam otak dari bahagian lain tubuh)
- Tumur otak (menekan pembuluh arteri)
- Spasme arteri.

Penyebab Arteri Pecah:

- Tekanan darah tinggi
- Kelemahan dinding arteri (sejak lahir lagi)
- Cedera kepala (pukulan, jatuh)

Untuk mencegah strok, anda boleh melakukan pemeriksaan selalu terutama tekanan darah. Pemeriksaan ini amat perlu sekiranya sejarah keluarga anda mengidap tekanan darah tinggi. *

RUANGAN ICT

Tahukah anda ?

Di sebalik puluhan ribu ancaman Internet yang diketahui, beratusan lagi ancaman-ancaman baru diperkenalkan setiap hari di Internet.

Pernah satu ketika virus merupakan ancaman yang 'biasa' namun kini ancaman-ancaman yang perlu dihadapi dan diperangi telah menjadi lebih canggih, direka untuk beroperasi dengan lebih pantas dan cepat malahan menggunakan kesilapan atau kelemahan sistem

pengoperasian, browser atau network sekuriti untuk menceroboh!

Awasi lah

- Trojan horses
- Worms (dan droppers : serpihan pengkodan yang ditinggalkan selepas serangan worm)
- Spyware
- Network virus
- DoS (Denial of Service attacks)

- Mixed threat attacks
- Java malicious code
- VBScript, JavaScript
- HTML Viruses
- Joke Programs
- Executable dan format Link
- Macro viruses
- ActiveX malicious Kod
- COM dan EXE file
- Boot sector virus

Jangan sesekali berfikir bahawa sesi melayari Internet anda selamat. Hanya menunggu masa dan ketikanya anda akan diserang! Bangzaliii. *

Majlis Penghayatan Ibadah Korban dan Hijratul Rasul

Sempena menyambut Hari Raya Aidiladha, satu program Penghayatan Ibadah Korban telah diadakan pada 8 Zulhijah 1425 bersamaan 19 Januari 2005 bertempat di Bilik Operasi PKINK. Penceramah undangan yang dijemput untuk memberi pengisian ialah Imam Masjid Al-Barooh, Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Ustaz Ilias Ahmad. Beliau banyak menyentuh tentang pengorbanan di sisi agama dan juga peristiwa Tsunami yang banyak memberi pengajaran kepada manusia.

Sementara pada 27 Zulhijah 1425 bersamaan 7 Februari 2005 Program Ceramah Hijratul Rasul sempena menyambut ketibaan tahun baru Hijrah 1426 telah diadakan di tempat yang sama. Ceramah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Mohd Nasir Mat Soh, Penolong Pengarah Gejala Sosial, Urusetia Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan, Kerajaan Negeri Kelantan.



Ustaz Ilias Ahmad



Ustaz Mohd Nasir Mat Soh

BERITA ANGGOTA

PENGORBANAN & JASA SENTIASA DALAM INGATAN

Persaraan Hj. Ismail



Hj. Ismail Hussein yang dilahirkan di Pasir Mas pada 2 September 1939 mula bertugas di PKINK sebagai Pegawai Tempatan pada 1 Februari 1996. Penempatan awal beliau di Bahagian Projek dan Hartanah secara kontrak selama 2 tahun.

Memandangkan prestasi beliau yang memberangsangkan kontraknya disambung lagi selama 1 tahun 6 bulan mulai 1 Februari 1998 hingga 31 Ogos 1999. Tempuh pinjaman beliau disambung lagi dari bulan kesbulan sehingga beliau bersara pada 1 Januari 2005.



Hj. Ismail Hussein adalah seorang pegawai yang berjaya.

AZAHARI SEUSIA PKINK

Azahari Yaakub atau pun "Abg Ziz" mula bertugas di PKINK pada 1 Nov 1969 sebagai Peon (Pelayan Pejabat) dengan Gaji \$66.00 sebulan. Di masa beliau mula bertugas pejabat PKINK hanya sebuah bangunan kayu yang terletak di belakang Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Pada 1 Ogos 1976 beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah. Pada Tahun 1987 memandangkan prestasi kerja yang baik dan memberangsangkan beliau telah dianugerahkan Pingat PTK (Pingat Taat Kelantan) oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan.

Kegiatan luar: Didalam bidang sukan

beliau merupakan pemain badminton mewakili PKINK dan pernah beberapa kali menjadi johan dikejohanan GEMA, PUTRA. Dalam Bola Sepak beliau mewakili pasukan Eksekutif PKINK dan pernah menjadi pengurus Sepak Takraw PKINK dan tidak pernah ketinggalan dalam menyertai kontien PKINK dalam perbarisan hari Kebangsaan.

Hubungan antara beliau dan semua pekerja adalah terlalu rapat. PKINK akan merasai keliadaan beliau setelah bersama PKINK selama 34 tahun. Beliau bersara wajib pada 20 Okt 2004.

BERITA SUKAN

Menembak Mahabbah 2005

Sesetengah 39 Pasukan Telah menyertai kejohanan pada 7,15,16 Mac dan 4 April 2005 di Lapang Sasar Pengkalan Chepa. Acara yang dipertandingkan ialah Side Aruns .38 dan Sporting Rifle .22.

Dalam acara Side Aruns .38 pasukan PKINK mendapat tempat ke -9 dan dalam acara Sporting Rifle .22 tempat ke-4. Pasukan PKINK dianggotai Oleh Hj. Mohd

Suhaimi Husin, Hj. Zainal Ab Rahim, Ahmad Nazri Ismail, Mohd Adlian Mat Jusoh dan Nik Kamil Amirah Nik Ab. Rahman

Dalam acara Individu keseluruhan, peserta PKINK , Ahmad Nazri Ismail telah menduduki tempat ke-12 daripada 148 peserta.



Taklimat Pakej Pembiayaan Bank Islam

Anggota PKINK telah ditawarkan skim pembiayaan yang lebih mudah dengan kadar keuntungan yang lebih rendah oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Taklimat pembiayaan oleh pihak Bank Islam ini telah diadakan di Bangunan PKINK pada 23 Mac 2005 oleh En. Mohd Asri Othman.

Bagi tujuan pembiayaan, pihak PKINK hanya perlu mengesahkan kakitangan dan kelayakan serta melaksanakan pemotongan gaji. Antara pembiayaan yang ditawarkan ialah Pembiayaan Hartanah, Pembiayaan Semula Aset, Pembiayaan Kenderaan, Pembiayaan Peribadi dan Kad Bank Islam.

Selain kemudahan di atas, anggota juga ditawarkan beberapa kelebihan secara percuma seperti yuran guaman, tiada yuran pemprosesan dan pengecualian cukai stem.



Anggota PKINK mendengar taklimat daripada pegawai Bank Islam

Pasukan Badminton PKINK Juara

Pasukan Badminton PKINK telah muncul juara selepas menjinakkan pasukan Kota Darulnaim 3 - 2 di Gelanggang Badminton PBKN, di Kejohanan Badminton Jemputan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang berlangsung pada 18 - 19 Februari 2005.

Kejohanan ini disertai oleh 10 pasukan yang terdiri dari berbagai Jabatan Kerajaan dan Agensi Swasta seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Tanah Kota Bharu, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Kastam Diraja Malaysia Kelantan, Tenaga Nasional Bhd Kelantan, Telekom Malaysia Bhd Kelantan, Air Kelantan Sdn Bhd dan juga pasukan PKINK A.

Antara lain tujuan kejohanan ini diadakan ialah untuk mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin di kalangan Anggota yang terlibat. Untuk setiap perlawanan setiap pasukan dimestikan menyediakan satu regu VIP yang terdiri dari Ketua Jabatan atau Timbalan yang berpasangan dengan pegawai.

Pada peringkat awal, kejohanan diadakan secara liga Kumpulan, dimana pasukan PKINK 'B' telah menang ke atas Pasukan Air Kelantan 4-1, menang ke atas Pasukan Kastam Diraja Malaysia 4-1, dan menang ke atas Pasukan Pejabat Tanah 3-2.

Setelah johan kumpulan A, Pasukan PKINK 'B' bertemu dengan Naib Johan Kumpulan B, iaitu Pasukan Majlis Perbandaran Kota Bharu. Dalam pertemuan yang mendebarkan ini, Pasukan PKINK 'B' menang 3-2.

Manakala dalam satu lagi perlawanan separuh akhir, Pasukan Kota Darulnaim yang merupakan Johan Kumpulan B telah mengatasi Pasukan Tenaga Nasional dengan kiraan 3 - 2.



Timbalan KE (HEK) PKINK menyambut hantaran lintang pasukan lawan

Keputusan akhir kejohanan Pasukan PKINK B telah muncul sebagai juara, Pasukan Kota Darulnaim Naib Juara, Pasukan Tenaga Nasional tempat ketiga dan Pasukan MPKB tempat keempat.

Antara Ketua-Ketua Jabatan yang telah bermain pada kejohanan tersebut ialah YB Tuan Hj. Che Mohd Ruzima Ghazali, Perasihat

Undang- Undang , Tuan Hj. Dahlan Hj. Taha, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, Tuan Hj. Che Jamil Ahmad, Pengarah Kastam Kelantan , Tuan Hj. Wan Adnan b. Wan Abdul Kadir,Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK dan Tuan Hj. Mohd Fadzli Ab. Samat Pengarah Urusan KPK Sdn. Bhd . Pada majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang dan saguhati kepada semua peserta, Ketua Eksekutif

Kumpulan PKINK telah menyuarakan hasratnya agar acara ini dijadikan acara tahunan dan setiap Jabatan diberi kepercayaan untuk menganjurkan kejohanan ini secara bergilir-gilir. Untuk tahun 2006 PKINK berhasrat sekali lagi menjadi penganjur pada kejohanan tersebut.



Ketua Eksekutif menyampaikan Hadiah Kepada YB Perasihat Undang-Undang Negeri

Bolasepak ADUN vs PKINK

Sempena dengan Sidang DUN Kelantan pada 21 hingga 22 Februari 2005, satu perlawanan bolasepak persahabatan antara PKINK dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad ke-IV Kota Bharu pada 22 Februari 2005 . jam 8.30 malam. Perlawanan ini telah dimenangi oleh pasukan ADUN Kelantan dengan jaringan gol 4-1 melalui sepakan penalti setelah kedua-dua pasukan terikat seri 1-1 sehingga tamat permainan. Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Hj Ahmad bin Yakob.



YB Timbalan Menteri Besar Menyampaikan Hadiah kepada ketua pasukan ADUN Kelantan



Pasukan ADUN Kelantan dan pasukan PKINK bergambar kenangan

KB BAZAAR

RUANG NIAGA UNTUK DIJUAL

HARGA DARI RM90,000 - RM 151,000

Kemudahan yang disediakan:

- Lif
- Surau
- Jejantas menghubungkan KB Bazaar dan KB Mall
- Tempat Letak Kereta
- Gerai Makan Tingkat 3
- Terminal Bas

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI:

Unit Pemasaran
Bahagian Projek & Hartanah PKINK,
Tingkat 8, Bangunan PKINK,
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu.
09-7414141

SKIM KERJA SAMBIL BELAJAR (Lepasan SPM)

Sasaran skim ini ialah kepada belia-belia lepasan SPM. Mereka ini diberi pendedahan dan latihan yang membekalkan kemahiran dan memperbaiki saingan mereka di pasar buruh negara.

SYARAT ASAS KEMASUKAN KURSUS

- Pemegang Sijil SPM
- Pemeriksaan kesihatan
- Bersikap positif meneroka ilmu dan perkajuan
- Hadir Kursus Induksi/Orientasi

PENEMPATAN KERJA

- Syarikat antarabangsa / tempatan
- Badan Berkanuni/Jabatan Kerajaan
- Berlela sendiri/menjadi usahawan

PAKEJ KURSUS

Peringkat	Tempoh	Tempat
Industri	3 hari	K. Bharu
Lelaki Kemahiran Sambil Kerja	Tahap 1:9 bulan Tahap 2:9 bulan Tahap 3:6 bulan (MLV/K)	Kuala Lumpur & Selangor

Kami menyediakan peluang "Kerja Sambil Belajar" yang pertama seumpamanya di Malaysia.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

- Pinjaman pendahuluan
- Penginapan
- Pusat latihan bertauliah
- Pengangkutan dan Kota Bharu ke Kuala Lumpur/Selangor
- Pengangkutan dan asrama ke tempat kerja
- Kemudahan yang disediakan oleh syarikat tempat kerja

Lihat maklumat lanjut sila hubungi

Pusat Pembangunan Sumber Manusia
Kelantan (Kewajip Maya Sdn Bhd)
Tingkat 3, Kompleks YAKIM,
Jalan Gejin Mall, 15000 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim

Tel: 09-74322300-7433377
Email: orient@orientaya@yahoo.com
Dr H. Awang Muza (019-3302301)
Nik Rozwan Nik Yusoff (013-9148196)
Wan Mohd Iman Adenan (012-2221111)